

BAB LIMA

PENUTUP

BAB LIMA

PENUTUP

5.0 PENDAHULUAN

Dalam bab ini, pengkaji akan menghuraikan segala dapatan dan rumusan yang diperolehi hasil daripada penyelidikan terhadap penguasaan tulisan Jawi di kalangan masyarakat Melayu hari ini. Selain itu, pengkaji juga mengemukakan cadangan-cadangan dan saranan-saranan untuk penyelidikan pada masa yang akan datang.

5.1 RUMUSAN DAPATAN KAJIAN

Pada dasarnya, kajian ini telah dapat mencapai objektif-objektif utamanya. Kajian ini telah berjaya meninjau tahap penguasaan Jawi di kalangan masyarakat Melayu sama ada penguasaan membaca atau menulis Jawi. Pengkaji juga berjaya meninjau sejauhmanakah tahap penggunaan tulisan Jawi ini di kalangan masyarakat Melayu sekarang. Selain itu, persepsi masyarakat terhadap tulisan Jawi juga dapat dicungkilkan. Faktor-faktor peminggiran tulisan Jawi oleh masyarakat Melayu sekarang dan juga usaha-usaha yang telah dilakukan oleh mereka untuk meningkatkan tahap penguasaan Jawi juga dapat dikenal pasti. Pengkaji telah dapat mengenal pasti terdapat sembilan faktor-faktor peminggiran tulisan Jawi oleh masyarakat Melayu sekarang. Faktor-faktor tersebut ialah :

- 1) Tulisan Rumi digunakan secara lebih meluas
- 2) Tidak ada mata pelajaran khusus untuk tulisan Jawi
- 3) Tulisan Jawi kurang didedahkan dan tidak disebarluaskan secara meluas kepada masyarakat
- 4) Tidak mempelajari tulisan Jawi kerana tidak dihantar ke sekolah agama
- 5) Tidak ada galakan dan tidak lagi dititikberatkan serta tidak ada kesedaran tentang kepentingan tulisan Jawi
- 6) Kurangnya penguasaan membaca al-Quran
- 7) Kurang berminat dan rasa susah untuk mempelajari tulisan Jawi
- 8) Tidak ada orang yang betul-betul arif untuk mengajar tulisan Jawi
- 9) Tulisan Jawi tidak penting dan lebih tumpukan kepada mata pelajaran lain

Pengkaji juga telah berjaya mengenal pasti usaha-usaha yang telah dilakukan oleh penduduk-penduduk di sekitar Kampung Kerinch sebagai satu golongan masyarakat untuk meningkatkan lagi tahap penguasaan Jawi sama ada membaca atau menulis Jawi. Usaha-usaha tersebut ialah:

- 1) membaca akhbar dalam edisi Jawi
- 2) membaca kitab-kitab agama yang kebanyakannya ditulis dalam edisi Jawi
- 3) merujuk mereka yang lebih arif tentang tulisan Jawi
- 4) lebih banyak membaca al-Quran
- 5) belajar tajwid
- 6) belajar Jawi di surau-surau atau madrasah-madrasah
- 7) menghadiri kelas agama atau fardhu ain
- 8) membaca buku-buku yang bertulisan Jawi
- 9) mengulang kaji mata pelajaran Jawi

- 10) belajar Jawi di luar waktu persekolahan (menghadiri kelas khas atau kelas tambahan)

Hasil daripada kajian ini juga mendapati bahawa tahap penguasaan Jawi sama ada membaca atau menulis di kalangan masyarakat Melayu hari ini adalah pada tahap yang sederhana sahaja. Sebilangan besar daripada mereka yang menguasai pembacaan dan penulisan Jawi pada tahap yang sederhana adalah terdiri daripada golongan kanak-kanak yang berumur antara 9-12 tahun.

Dari segi perbandingan yang dibuat antara golongan masyarakat iaitu golongan kanak-kanak (9-12 tahun), golongan remaja (13-20 tahun), golongan dewasa (21-54 tahun) dan golongan tua (55 tahun ke atas) tentang penguasaan Jawi ini, secara keseluruhannya perbezaan yang ketara hanya bagi golongan kanak-kanak yang berumur antara 9-12 tahun. Golongan kanak-kanak ini masih berpendidikan sekolah rendah menduduki angka yang paling banyak menguasai penulisan dan pembacaan Jawi. Manakala bagi golongan-golongan yang lain, perbezaannya adalah tidak begitu ketara. Situasi begini memperjelaskan lagi kepada kita bahawa tulisan Jawi ini masih lagi dititikberatkan di sekolah-sekolah walaupun hanya dalam matapelajaran agama Islam. Manfaatnya hanya diperoleh oleh golongan kanak-kanak sahaja.

Begitu juga dengan penggunaan tulisan Jawi di kalangan masyarakat Melayu hari ini adalah amat kurang dan tidak begitu meluas digunakan. Ia biasanya digunakan dalam perkara-perkara yang berkait dengan agama semata-mata. Contohnya, ia hanya digunakan di papan tanda bagi nama madrasah atau surau yang terdapat di kawasan kediaman tersebut. Pendedahan sedemikian terhadap masyarakat

adalah amat mendukacitakan. Ini kerana ia menunjukkan bahawa tulisan Jawi hanya digunakan bagi perkara-perkara yang berkaitan dengan agama semata-mata.

Selain itu, pengkaji juga dapat mengenal pasti persepsi masyarakat Melayu sekarang terhadap tulisan Jawi. Secara keseluruhannya, responden memberikan jawapan bahawa tulisan Jawi amat penting bagi mereka. Situasi ini amat membanggakan kerana sekurang-kurangnya masih terdapat kesedaran di kalangan masyarakat bahawa tulisan Jawi itu amat penting. Tulisan Jawi tidak boleh dilupakan dan mestilah terus digunakan kerana keistimewaan-keistimewaan tulisan Jawi tidak terdapat dalam tulisan-tulisan yang lain di dunia. Oleh itu, usaha-usaha atau langkah-langkah yang sewajarnya perlu diambil oleh semua golongan termasuklah pihak-pihak yang terlibat supaya tulisan Jawi akan terus berkembang. Antara langkah-langkah tersebut ialah :

- 1) mengadakan pertandingan-pertandingan seni khat sama ada di peringkat kampung, daerah, negeri dan sebagainya.
- 2) menggunakan tulisan Jawi di papan-papan tanda dan tidak hanya digunakan di papan-papan tanda surau atau madrasah sahaja.
- 3) mewajibkan tulisan Jawi untuk peperiksaan.
- 4) memperbanyakkan program-program Jawi di media-media
- 5) menubuhkan bengkel atau kelas-kelas dewasa untuk mempelajari tulisan Jawi dengan lebih sistematik
- 6) mengadakan lebih banyak bahan-bahan bacaan dan buku-buku panduan tulisan Jawi

Selain itu, melalui kajian perpustakaan pula, ia telah dapat memberikan satu pemahaman yang objektif kepada pembaca tentang tulisan Jawi terutamanya dari segi konsep dan kedudukannya dalam perkembangan ilmu dan masyarakat hari ini. Dari sudut ilmu bahasa, tulisan Jawi bukanlah merupakan satu bentuk tulisan yang baru. Ia digunakan lebih 400 tahun yang lalu. Jika dilihat dari segi sejarah, tulisan Jawi diperkenalkan lebih awal kepada masyarakat Melayu jika dibandingkan dengan tulisan Rumi. Namun, perkembangan penggunaannya semakin merosot dari hari ke hari.

Namun begitu, sebelum tulisan Rumi diperkenalkan, tulisan Jawi amat popular dan berkembang dengan pesatnya. Ia digunakan dalam pelbagai bidang kehidupan sama seperti fungsi tulisan Rumi sekarang ini. Tetapi kepopularan dan perkembangannya hanya bersifat sementara apabila tulisan Rumi diperkenalkan kepada masyarakat Melayu lebih-lebih lagi apabila Akta Bahasa Kebangsaan telah mengangkat tulisan Rumi sebagai tulisan rasmi bagi bahasa Melayu walaupun penggunaan tulisan Jawi tidak disekat. Semenjak dari itu, tulisan Jawi semakin dilupakan. Tetapi masyarakat hari ini masih lagi memerlukan tulisan Jawi.

Tulisan Jawi adalah merupakan tulisan warisan bangsa Melayu. Justeru itu, ia perlu disebarluaskan supaya terus digunakan oleh generasi baru. Janganlah kita sebagai bangsa Melayu yang mempunyai maruah terus melupakannya seolah-olah "*kacang melupakan kulitnya*". Bangsa-bangsa lain khasnya Cina terus berusaha untuk memperjuangkan tulisan mereka. Tetapi bangsa Melayu terus meminggirkan warisan tulisannya. Pihak-pihak tertentu khasnya media juga perlu memainkan peranan dengan mengadakan lebih banyak program-program berbentuk Jawi untuk masyarakat. Contohnya ialah seperti usaha-usaha yang dilakukan oleh syarikat

Utusan Melayu yang terus mengambil langkah untuk terus menerbitkan akhbar Utusan Melayu walaupun dalam bentuk mingguan kerana masyarakat Melayu yang menentukan supaya akhbar Jawi itu terus wujud. Kenyataan ini adalah seperti yang ditegaskan oleh Datuk Johan Jaaffar yang merupakan bekas Ketua Pengarang Kumpulan Utusan. Tegas beliau:

"Syarikat Utusan Melayu telah mengambil langkah realistik tetapi yang menyumbang kepada kehilangan Utusan Melayu adalah masyarakat Melayu"

(Mingguan Malaysia, 12 Jan 2003)

Oleh itu, semua pihak perlulah berusaha untuk mempertahankan tulisan Jawi ini dengan mengambil langkah-langkah yang sewajarnya. Usahlah takut dengan andaian-andaian bahawa tulisan Jawi tidak mendapat tempat di hati peminat dan akhirnya akan mengalami kerugian.

5.2 CADANGAN UNTUK KAJIAN AKAN DATANG

Sebagai satu warisan tulisan bangsa, tulisan Jawi sememangnya harus diteliti dan dikaji berdasarkan kepada prinsip-prinsip yang lebih objektif. Tulisan Jawi seharusnya diteliti sebagai satu tulisan yang amat tinggi nilainya tanpa menghiraukan pandangan bangsa-bangsa lain terhadap tulisan Jawi.

Dalam kajian ini, sampai kajian hanyalah terdiri daripada penduduk-penduduk di kampung Kerinchi yang kebanyakannya adalah golongan yang bertaraf sederhana. Kebanyakan daripada responden kajian adalah terdiri daripada mereka

yang berpendidikan sekolah rendah dan menengah sahaja. Bagi pengkaji pada masa akan datang dicadangkan agar kajian-kajian juga dilakukan terhadap responden yang berpendidikan tinggi seperti mempunyai kelulusan universiti. Tujuannya adalah untuk mengkaji faktor pendidikan dalam konteks penguasaan tulisan Jawi.

Bagi menjalankan kajian yang lebih terperinci, adalah dicadangkan supaya kajian terhadap penguasaan Jawi itu dilakukan dengan mengadakan ujian-ujian kemahiran sama ada ujian kemahiran membaca atau menulis Jawi. Contohnya seperti ujian menukar ayat rumi kepada jawi atau ayat jawi kepada rumi. Tujuannya adalah untuk menganalisis jenis-jenis kesilapan yang dilakukan oleh responden dalam penulisan dan pembacaan Jawi. Selain itu, ujian-ujian sedemikian juga membolehkan pengkaji meneliti tahap kemahiran dan penguasaan mereka menulis sama ada daripada ejaan rumi kepada jawi atau jawi kepada rumi.

Selain itu, kajian khusus di kawasan luar bandar atau kampung-kampung juga boleh dilakukan untuk melihat tahap perbezaan dalam penguasaan dan penggunaan Jawi antara masyarakat kampung dan bandar.

5.3 KESIMPULAN

Kajian ini sedikit sebanyak telah dapat mendedahkan kepada masyarakat umumnya tentang fenomena tulisan Jawi di kalangan masyarakat Melayu hari ini. Dengan itu, ia dapat memberikan manfaat kepada seluruh masyarakat Melayu dan pencinta tulisan Jawi khususnya dalam usaha untuk memperkembangkan dan menyebarluaskan lagi penggunaan tulisan Jawi serta mempertingkatkan lagi tahap penguasaan tulisan Jawi di kalangan masyarakat. Pengkaji berpendapat bahawa

perkara ini perlu diberikan perhatian yang sewajarnya oleh masyarakat dan pihak-pihak yang terlibat supaya dapat menentukan masa depan dan perkembangan tulisan Jawi di negara ini.